Harian Metro 29 July 2017

Kuala Lumpur

RM14.25 bilion pinjaman perumahan Islam diluluskan

Institusi perbankan Islam di negara ini akan terus menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan kepada pelanggan yang layak melalui skim.

Presiden Persatuan
Institusi Perbankan Islam
Malaysia (AIBIM), Datuk
Mohd Redza Shah Abdul
Wahid berkata, sebanyak
RM14.25 bilion diluluskan
bank Islam bagi pembelian
hartanah kediaman setakat
Mei tahun ini.

"Ini mewakili 37.3 peratus daripada pembiayaan Islam keseluruhannya RM38.2 bilion," katanya.

Beliau berkata, institusi perbankan Islam menawarkan pelbagai produk pembiayaan perumahan untuk memenuhi keperluan segmen pasaran khusus yang berbeza seperti penjawat awam, kumpulan pendapatan rendah bandar dan luar bandar serta golongan muda bandar.

"Produk ditawarkan ini adalah berasaskan pelbagai kontrak syariah iaitu Tawarruq, Musyarakah Mutanaqisah dan Murabahah," katanya.

Mohd Redza berkata, panduan pembiayaan sudah ditetapkan untuk melindungi kepentingan pembeli rumah dengan memastikan mereka mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk memenuhi tanggungjawab kewangan itu.

"Ia untuk memastikan pelanggan tidak mengalami bebanan kewangan pada masa depan,' katanya.